

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 30 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 03

Tunggakan sewa PPR, PPA cecah RM58 juta

Kuala Lumpur: Tunggakan bayaran sewa membabitkan Projek Perumahan Awam (PPA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kini mencecah RM58 juta.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata tunggakan yang dikenal pasti sejak puluhan tahun dahulu tidak dapat diselesaikan atas alasan penyewa tidak mempunyai pekerjaan.

Beliau berkata, tunggakan dikesan berlaku sejak bertahun lamanya dan bukan dalam tempoh setahun Pakatan Harapan (PH) memerintah.

"Apabila PH ambil alih, kita tak nak datang dengan pendekatan mengejut seperti mengambil tindakan tetapi cuba selesaikan masalah ini terlebih dahulu.

"Beri tempoh dalam tiga atau enam bulan untuk penduduk bayar sewa, kita tengok," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Inisiatif Wilayah Peduli (Komuniti Sejahtera) di PPR Desa Rejang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan; Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim dan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Datuk Seri Zulkifli Abdullah.

Khalid berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan program Karnival Kerjaya bermula di PPR Desa



Khalid merasmikan Program Inisiatif Wilayah Peduli (Komuniti Sejahtera) di PPR Desa Rejang, Kuala Lumpur, semglam. (Foto BERNAMA)

Rejang dalam usaha membantu penduduk PPA dan PPR menyelesaikan kemelut bayaran tunggakan sewa rumah.

Katanya, karnival dianjurkan dengan kerjasama Jobs Malaysia yang turun padang bertemu penduduk dan membantu mencari peluang pekerjaan sesuai.

"Kita nak selesaikan masalah penduduk PPA dan PPR. Ini adalah pendekatan bersepadu, bukan sekadar nak ambil tindakan

undang-undang, nak bertindak keras," katanya.

Beliau berkata, DBKL turut merintis Program Sayangi Komuniti dan Program Satu Rumah Satu Graduan bermula di PPA Desa Rejang.

"Program Sayangi Komuniti adalah program penempatan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan AADK di PPA dan PPR dalam usaha membanteras jenayah setempat di kawasan berkenaan," katanya.